

Weststar raih kontrak RM2b di Thailand

Weststar Aviation Services Sdn. Bhd, anak syarikat Kumpulan Weststar Group of Companies, mengembangkan perniagaan pada peringkat serantau dengan memperoleh kontrak terbaharu bernilai RM2 bilion di Thailand.

Syarikat dalam kenyataan semalam, berkata kontrak selama tujuh tahun yang dimeterai dengan PTT Exploration and Production (PTTEP), bagi menyediakan operasi perkhidmatan helikopter luar pesisir di Songkhla, Thailand.

Katanya, Thailand destinasi pertama di Asia Tenggara bagi Weststar Aviation Services dan kedua peringkat antara-bangsa selepas di Mauritania bermula tahun lalu.

“Operasi Weststar Aviation Services ke Thailand juga hasil usaha sama dengan rakan kongsi yang berpangkalan di Thailand iaitu United Offshore Aviation (UOA), cabang penerbangan luar pesisir Nathalin Group of Companies, konglomerat pengangkutan dan tenaga terbesar di Thailand,” katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim, berkata usaha sama dengan UOA adalah satu lagi langkah besar Weststar Aviation Services dalam usaha mengukuhkan kedudukan dalam industri penerbangan luar pesisir global.